

USM lancar satelit pertamanya ke angkasa lepas

Oleh **Bernama** - June 27, 2023



Satelit A-SEANSAT-PG1 berjaya dilancarkan ke orbit menggunakan roket Soyuz-2 di Vostochny Cosmodrome, Rusia. Penstriman langsung diadakan di Agensi Angkasa Lepas Malaysia di Kuala Lumpur. FOTO BERNAMA

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM) dengan kerja sama sebuah syarikat teknologi angkasa lepas tempatan Angkasa-X Innovation Sdn Bhd, melancarkan satelit orbit rendah bumi (LEO) ke angkasa lepas dari Rusia, hari ini.

Naib Canselor USM Prof Datuk Dr Abdul Rahman Mohama berkata pelancaran satelit A-SEANSAT-PG1 itu, akan menerajui pembangunan ekosistem teknologi angkasa lepas Malaysia dan memacu kemajuan ekonomi bagi negara dalam kawasan khatulistiwa.

"Peristiwa bersejarah ini melambangkan hasil kerja keras dan komitmen yang tinggi. Kejayaan pelancaran ini bukan sahaja menunjukkan kecemerlangan Malaysia dalam teknologi angkasa lepas, tetapi juga menjadi inspirasi kepada saintis dan jurutera di Malaysia," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran satelit A-SEANSAT-PG1, disaksikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow di George Town hari ini.

Selain itu, Abdul Rahman berkata dengan pelancaran satelit A-SEANSAT-PG1 dan 200 satelit selepas itu, Angkasa-X berhasrat untuk mewujudkan ekonomi angkasa yang teguh, terutamanya dalam ASEAN.

Beliau berkata satelit itu juga akan menyumbang kepada mewujudkan satu keadaan di mana ketersambungan data dan informasi penting, akan dapat dicapai dengan mudah dan mampu oleh masyarakat, kerajaan dan juga syarikat.

you're currently offline

"Pelaburan dalam satelit dan teknologi angkasa lepas satelit, akan memangkinkan bakat, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, membangunkan solusi teknologi angkasa lepas baharu untuk dipasarkan secara global, dan menarik pelaburan serta bakat domestik dan antarabangsa, serta memberikan impak ekonomi yang positif kepada negara," katanya. – BERNAMA



Recommended by outbrain



Nikita Mirzani tetap solat Subuh walaupun mengaku berzina dengan teman lelaki



Mayat wanita mangsa culik ditemukan dalam gaung



Mayat wanita ditemui tersangkut di tingkat 20 kondo

Bernama